

Malaysia capai status negara menua lebih awal jika pandemik berpanjangan

SHAH ALAM: Malaysia akan mencapai status negara menua lebih awal daripada jangkaan jika situasi pandemik COVID-19 berterusan untuk tempoh panjang susulan trend penurunan bilangan kelahiran yang dicatatkan negara.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Abdul Shukur Abdullah, berkata berdasarkan unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia dijangka mencapai status negara menua pada 2030 apabila 15 peratus penduduknya berumur 60 tahun ke atas.

"Namun, situasi pandemik COVID-19 yang berlaku ketika ini memungkinkan status itu dicapai lebih awal.

"Penemuan tinjauan pendapat umum dilaksanakan LPPKN pada April 2020 mendapati 53 peratus responden menanggung situasi pandemik ini akan mengakibatkan peningkatan bilangan kelahiran penduduk.

"Namun, majoriti daripada mereka (61 peratus) mengambil keputusan menangguhkan atau merancang semula kehamilan mereka," katanya di sini, hari ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan pada 2020, populasi berusia 60 tahun dan ke atas meningkat daripada 3.4 juta (2019) kepada 3.5 juta yang mewakili 10.7 peratus daripada jumlah penduduk.

Abdul Shukur berkata, kadar penurunan kelahiran sebanyak 4.4 peratus dicatatkan pada suku kedua tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu pada asasnya sudah dijangka akan berlaku.

Beliau berkata, antara faktor menyebabkan pasangan menangguhkan perancangan menimang cahaya mata disebabkan kekurangan wang simpanan (58 peratus), bimbang diri dijangkiti COVID-19 (34 peratus) dan bimbang akses rawatan kehamilan akan terganggu disebabkan situasi pandemik (32 peratus).

Mengulas lanjut, katanya, trend penurunan bilangan kelahiran ini memang memberi impak kepada kadar pertumbuhan penduduk yang mempercepatkan proses penuaan penduduk negara, malah sekiranya trend ini berterusan negara juga akan mengalami kekurangan tenaga buruh pada masa depan.

"Dengan itu, negara perlu bergantung kepada tenaga kerja asing bagi mengatasi kekurangan tenaga buruh tempatan. Bagaimanapun, menjelang 2050, kebanyakan negara sumber tenaga kerja asing seperti India, Bangladesh, Filipina dan Myanmar akan turut mengalami proses penuaan penduduk dan kekurangan tenaga buruh tempatan," katanya.

Berikutan itu, Abdul Shukur berkata, keadaan ini akan memaksa negara sumber mengekalkan pekerja tempatan mereka daripada berhijrah ke negara luar seperti Malaysia.

"Sebagai persediaan menjadi negara menua, penting bagi Malaysia meminimumkan ketidaksepadanan antara kemahiran dimiliki dengan pekerjaan dilakukan penduduk di negara ini, malah sejak berlaku pandemik COVID-19, jurang ketidaksepadanan ini semakin ketara," katanya.

Abdul Shukur berkata, berdasarkan statistik terkini dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan siswazah menganggur meningkat 22.5 peratus iaitu daripada sekitar 165,200 orang pada 2019 kepada kira-kira 202,400 orang pada 2020.

"Pada tempoh sama, dilaporkan peratusan siswazah bekerja dalam kategori mahir berkurang sebanyak 0.8 peratus, manakala mereka yang bekerja dalam kategori separuh mahir sebaliknya meningkat 19.3 peratus, terutama bagi pekerjaan perkhidmatan dan jualan, operator loji serta mesin dan pemasangan," katanya.

Sementara itu, katanya, hasil kajian LPPKN pada 2018 mengunjurkan negara berpotensi mengalami penguncutan penduduk buat kali pertama pada 2072.

"Melalui kajian ini, diunjurkan penduduk negara akan kekal bertambah sehingga mencapai jumlah maksimum 46.09 juta orang pada 2071 sebelum mula berkurang kepada 46.08 juta orang pada 2072," katanya.

Bagaimanapun, Abdul Shukur berkata, terdapat kemungkinan negara mengalami penguncutan penduduk lebih awal jika bilangan kelahiran menurun berterusan pada masa depan kesan penularan pandemik COVID-19. – BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/852307/malaysia-capai-status-negara-menua-lebih-awal-jika-pandemik>